

'Terpulang kepada Muhyiddin memikir pilihan terbukanya'

Malaysiakini

24 September 2020

Dr Mahathir Mohamad

ULASAN | Apabila Presiden Umno Ahmad Zahid Hamidi mengatakan bahawa dia telah dimaklumkan bahawa ramai ahli parlimen Umno dan BN menyokong Anwar Ibrahim boleh kita simpulkan bahawa Muhyiddin Yassin telah hilang majoritinya di parlimen untuk terus kekal sebagai perdana menteri.

Jika kita menerima kenyataan Ahmad Zahid adalah benar di atas kedudukannya sebagai presiden Umno dan pengerusi BN, maka Muhyiddin tidak boleh lagi tegas dia masih mempunyai majoriti untuk kekal sebagai perdana menteri.

Yang penting sekarang ialah meneliti sama ada perdana menteri masih mempunyai majoriti untuk kekal dikerusinya. Sama ada Anwar mempunyai majoriti adalah perkara kedua dan ini sesuatu yang perlu dia buktikan.

Umum tahu bahawa majoriti yang dipunyai oleh Muhyiddin sebelum ini amat tipis – antara satu atau dua orang sahaja – maka jika seorang atau dua orang ahli

parlimen Umno menarik sokongan mereka, maka hilanglah majoriti Muhyiddin.

Bagi pihak saya, Muhyiddin dari peringkat awal lagi tidak mempunyai majoriti tetapi telah berjaya menutup kebenaran itu dengan membawa ketua-ketua parti menghadap Yang di-Pertuan Agong dan membuat bilangan secara pukal tanpa perlu memperinci siapa ahli parlimen yang menyokongnya.

Kerana itu, sejak dari perisytiharan Muhyiddin sebagai perdana menteri, saya telah meminta supaya satu undi tidak percaya dapat diusulkan di Parlimen untuk menyelesaikan masalah ini.

Jika Muhyiddin berjaya mengalahkan undi tidak percaya itu maka selepas itu tidak timbul lagi isu dia tidak dapat sokongan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat.

Jika dia kalah, ahli-ahli Dewan Rakyat berpeluang mengusulkan calon perdana menteri yang baru dan sesiapa yang mendapat majoriti akan dapat menerajui kerajaan tanpa terlalu banyak tekanan berkaitan legitimasi.

Jika ini dapat kita lakukan maka kita dapat mengelakkan dari perlunya mengadakan pilihan raya umum pada ketika kita masih bergelut dengan wabak Covid-19.

Saya juga ingin nyatakan di sini bahawa apa yang sedang berlaku adalah sesuatu yang telah saya nyatakan kepada Muhyiddin awal-awal lagi.

Ketika itu saya membuat pendirian menolak kerjasama dengan Umno secara en-bloc kerana itu bermakna saya terpaksa menerima kesemua Ahli Parlimen Umno termasuklah orang yang menghadapi puluhan kes di mahkamah.

Tetapi Muhyiddin berkata dia sanggup bekerjasama dengan Umno secara en-bloc walaupun dia boleh diugut oleh Umno jika kemahuan mereka tidak tercapai.

Apabila Najib Razak didapati bersalah di Mahkamah Tinggi di atas tujuh tuduhan kita dapat lihat bagaimana penyokongnya mula memperlihatkan rasa tidak puas hati terhadap Sri Muhyiddin.

Hari ini, jelas apa yang saya jangka akan berlaku sedang berlaku dan kenyataan Ahmad Zahid semalam mengesahkan bahawa sokongan dari Umno memang bersyarat.

Dan sokongan Umno kepada Anwar juga pasti bersyarat walau tidak diumumkan. Walaupun Anwar kata yang dia tidak menerima sokongan dari enam ahli parlimen yang menghadapi kes-kes mahkamah, sudah pasti yang memberi sokongan kepada Anwar mempunyai kesetiaan yang lebih kepada Najib dan

Ahmad Zahid.

Jika kemahuan dua pemimpin mereka ini tidak dipenuhi, maka mereka akan bertindak sama seperti mereka lakukan kepada Muhyiddin dan menarik balik sokongan dan jatuhkan kerajaan.

Terpulanglah kepada Muhyiddin memikirkan akan pilihan yang terbuka padanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/543914>